

● **KENYATAAN AKBAR**

13 Mac 2017

Untuk Siaran Segera

RISDA JALIN KERJASAMA DENGAN AGRO BANK DAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

1. Pelaksanaan program Rumah Bina Negara merupakan fokus kedua dalam transformasi luar bandar iaitu Pembangunan Belia Luar Bandar dengan tujuan memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur perumahan yang mencukupi serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan bumiputera. RISDA adalah agensi pelaksana untuk membina Rumah Bina Negara sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK 11 2016 – 2020). Berdasarkan kepada pembentangan Bajet 2017 RISDA diperuntukan sebanyak RM 100 juta untuk melaksanakan Program RBN.
2. Bagi tahun 2016, pembiayaan RBN diuruskan oleh Permodalan RISDA Berhad dan pada tahun ini KKLW dengan kerjasama RISDA menjalinkan kerjasama dengan Agro Bank dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Melalui persefahaman ini, pihak KKLW berhasrat memudahkan pembiayaan pemohon terutama belia yang tidak mempunyai penyata pendapatan khususnya yang bekerja di sektor pertanian, perladangan dan produk ekonomi desa. Selain itu, melalui produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan ini keutamaan pembinaan RBN turut diberikan kepada pesara atau bakal pesara tentera yang akan berpencen.
3. Harga kos RBN sebenarnya adalah RM 65,000, namun dengan inisiatif kerajaan memberikan insentif sebanyak RM 20,000 menjadikan harga rumah lebih rendah kepada RM 45,000 sahaja. Rumah berkeluasan 700 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air termasuk kelengkapan asas seperti lampu, kipas dan juga bekalan air. RBN terbuka kepada semua belia luar Bandar berumur 18 hingga 45 tahun dan perlu dibina di tanah milik sendiri atau ibu bapa.
4. KKLW menetapkan sasaran pembinaan 3000 unit RBN pada tahun 2017 bagi merealisasikan impian belia mempunyai aset dan pastinya projek ini bakal menarik golongan belia kembali dan tinggal di luar Bandar untuk meneruskan kegiatan ekonomi perladangan dan pertanian. Setakat ini RISDA telah meluluskan 497 daripada 1,518 permohonan yang diterima daripada pemohon RBN seluruh Negara.

5. Permohonan Rumah Bina Negara terbuka sepanjang tahun dan boleh dilakukan dengan mengisi borang yang terdapat di laman sesawang www.risda.gov.my atau mendapatkan borang di pejabat RISDA berdekatan dan di pejabat pemimpin tempatan.